

15 MAR 1997

Najib - Multimedia

PELAKSANAAN KONSEP MSC SEMAKIN MENJADI KENYATAAN

SERDANG, 15 Mac (Bernama) -- Konsep Koridor Raya Multimedia (MSC) semakin menjadi kenyataan apabila Universiti Pertanian Malaysia (UPM) menempatkan sebahagian kawasannya sebagai pusat kegiatan multimedia, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Usaha UPM dengan kerjasama Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Bhd mewujudkan UPM-MTDC Technology Incubation Centre 1 membolehkan kegiatan multimedia khususnya membabitkan syarikat tempatan dan konsep MSC dilaksanakan dengan jayanya.

Beliau berkata usaha UPM mempelopori bidang multimedia itu akan menjadikannya sebagai pusat pengajian tinggi tempatan yang pertama serta utama dalam kegiatan multimedia dan pelaksanaan MSC.

"UPM boleh menjadi sebuah daripada pusat utama untuk menjayakan konsep multimedia berikutan lokasinya yang terletak dalam kawasan MSC," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan tinjauan di UPM-MTDC Technology Incubation Centre 1 dan tapak operasi Time Telecommunications Sdn Bhd di sini.

UPM-MTDC Technology Incubation Centre 1 dengan keluasan 0.48 hektar dan pada peringkat permulaannya menempatkan 13 syarikat multimedia tempatan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 April ini.

MSC merupakan kawasan seluas 15km x 50km yang bermula dari Kuala Lumpur ke arah selatan tanah air, dengan infrastruktur telekomunikasi dan logistik global berkapasiti tinggi antara 2.5 dan 10 gigabits fiber optik digital.

Tiga belas syarikat berkenaan termasuk Malaysia Agri Hi-Tech Sdn Bhd, MTDC Technology Media Sdn Bhd, FJ Technologies Sdn Bhd, Alam Teknokrat Sdn Bhd, Utusan PNMB On-Line Sdn Bhd, Telekom Malaysia Bhd (R&D Unit), UPM-MTDC Multimedia Academy Sdn Bhd, HTI Systems Sdn Bhd, World View Sdn Bhd, Aimquest (M) Corp Sdn Bhd, Internetwork Micro-Solution Sdn Bhd, Malaysian Optonic Systems Sdn Bhd dan Massmedia Interactive Sdn Bhd.

Najib berkata syarikat multimedia yang akan membuat pelbagai kerja aplikasi, perkhidmatan dan kegiatan multimedia termasuk menyelidikan dan pembangunan akan diberikan kemudahan insentif kewangan, pelepasan cukai serta menikmati "Bill of Guarantees" seperti syarikat asing dan syarikat yang mempunyai status MSC.

Mengenai faedah yang akan dinikmati oleh syarikat berkenaan dan UPM, beliau berkata ia ialah kelebihan menggunakan kemudahan dan hubungan dengan UPM, sumber manusia dan kemudahan akademik di UPM.

Sebaliknya, UPM dapat meningkatkan pengetahuan serta penggunaan teknologi tinggi industri multimedia, pemindahan teknologi dan pelbagai faedah lain daripada segi akademik.

Ditanya mengenai keupayaan UPM-MTDC Incubation Centre 1 sebagai pusat operasi MSC, Najib yakin ia akan dilaksanakan dengan jayanya kerana kemudahan asas seperti pejabat, infrastruktur telekomunikasi, rangkaian dan hubungan dengan MSC sudah disediakan.

"Malahan UPM sudah dibekalkan dengan fiber optic sebanyak 2.5 gigabits oleh Time Telekom sebagai kemudahan telekomunikasi untuk menampung kegiatan multimedia yang ada di sini," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga membuat perancangan untuk mengembangkan keupayaan dan kemampuan UPM dalam kegiatan multimedia bagi menampung pertambahan syarikat yang akan terbabit dalam kegiatan itu.

"Kita menjangka banyak lagi syarikat akan menggunakan kemudahan di UPM

dan ini baik kerana kerajaan mahu lebih banyak syarikat tempatan terbabit dalam kegiatan itu dan bukan dikuasai syarikat asing," kata Najib. --  
BERNAMA

HS FAZ